

31 DEC 1999

DR MAHATHIR ADAKAN PERBINCANGAN DENGAN KUMPULAN ULAMA

PUTRAJAYA, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan sekumpulan 184 ulama dan tokoh agama dari seluruh negara.

Kumpulan ulama dan tokoh agama itu antara lain terdiri daripada mufti, tok guru, tokoh agama dan pensyarah dari institusi pengajian tinggi tempatan, sekolah dan pondok agama serta wakil rakyat yang memegang jawatan Exco Agama Negeri.

Turut hadir dalam perbincangan selama dua setengah jam itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Abdul Hamid Othman.

Perbincangan itu bertujuan mendapatkan maklum balas daripada kumpulan ulama bagi membolehkan pucuk pimpinan kerajaan mengetahui hal-hal berkaitan agama dan institusi agama.

Setiausaha akhbar Abdul Hamid, Haji Shamsul Najmi Shamsuddin ketika ditemui pemberita berkata perbincangan itu juga bertujuan memperbaiki, mengubah serta mengemaskini hal-hal yang berkaitan agama dan institusi agama.

Katanya Dr Mahathir mengambil perhatian yang serius untuk membaik pulih imej agama dan maklum balas daripada kumpulan ulama berkenaan juga sangat baik.

Shamsul Najmi berkata program perbincangan dengan kumpulan ulama itu berlangsung selama tiga hari mulai semalam. Pada petang ini satu sesi pembentangan kertas kerja mengenai peranan ulama di alaf baru akan diadakan.

-- BERNAMA
HS RHM